

25 JAN 1999

Agong-perutusan

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA GABENOR AUSTRALIA DAN PRESIDEN INDIA

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah telah mengirim perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Australia Sir Patrick William Deane dan Presiden India K.R. Narayanan sempena hari kebangsaan negara-negara itu esok.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, dalam perutusan kepada Sir Patrick baginda berdua menyatakan gembira kerana kerjasama antara Malaysia dan Australia terus berkembang dalam semua bidang.

Dalam perutusan kepada K.R. Narayanan, Seri Paduka berdua menyatakan keyakinan bahawa hubungan yang rapat dan mesra secara tradisi antara Malaysia dan India akan berterusan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatan Australiannya, John Howard, berkata beliau berharap tahun-tahun akan datang akan membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat Australia.

Dr Mahathir berkata beliau menyambut baik peluang untuk berkerja bersama dengan Howard untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Australia.

Dalam perutusannya kepada Perdana Menteri India Atal Behari Vajpayee, Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana hubungan erat antara kedua-dua negara telah meluas ke dalam bidang-bidang kerjasama yang baru pada peringkat kerajaan dan sektor swasta dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya di Australia, Alexander Downer, berkata beliau berharap hubungan mesra dan erat peringkat dua hala dan antarabangsa antara kedua-dua negara akan terus dipupuk dan diperkukuhkan.

Dalam perutusannya kepada Menteri Luar India Jaswant Singh, Syed Hamid berkata beliau yakin kerjasama yang wujud sekarang antara India dan Malaysia akan terus diperkukuhkan untuk faedah bersama rakyat kedua-dua negara.

--BERNAMA

NZ WAT